



Headline: Kerani rugi RM 18,000 ditipu 'aplikasi Bank Negara'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 20 March 2022

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 14

Kerani rugi RM18,000 ditipu 'aplikasi Bank Negara'

KUANTAN - Seorang wanita mengalami kerugian RM18,000 selepas wang di dalam akaun banknya lesap dipindahkan pihak tidak dikenali gara-gara mendedahkan maklumat perbankan internet melalui 'aplikasi Bank Negara'.

Wanita berusia 41 tahun dan bekerja sebagai kerani di sebuah syarikat pengubahsuaian rumah itu mendakwa dia terpaksa berbuat demikian atas arahan pegawai bank terbabit bagi tujuan siasatan selepas dikaitkan dengan kes tunggakan cukai syarikat.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, kejadian berlaku selepas mangsa me-



MOHD WAZIR

nerima panggilan daripada pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pada Jumaat memaklumkan tentang tunggakan cukai syarikat berjumlah RM38,000.

Menurutnya, syarikat itu dikatakan didaftarkan atas nama mangsa dan dia perlu menjelaskannya bagi mengelak tindakan undang-undang.

"Bagi meyakinkan mangsa, panggilan telah disambungkan kepada seorang pegawai polis dari Balai Polis Kota Bharu sebelum dia dimaklumkan bahawa satu laporan polis akan dibuat berhubung kes tersebut.

"Bagi menyelesaikan kes itu, mangsa diminta berbincang dengan

pegawai Bank Negara melalui panggilan yang disambungkan.

"Selepas berhubung dengan pegawai itu, mangsa diminta memuat naik satu aplikasi dan mengisi segala maklumat yang diperlukan pada ruangan yang disediakan," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Mohd Wazir berkata, akur dengan arahan itu, mangsa mengisi segala butiran yang diperlukan termasuk nombor kad pengenalan, nombor telefon, nama pengguna perbankan internet dan nombor kad banknya.

"Arahan itu telah menimbulkan kecurigaan mangsa dan segera membuat semakan ke atas akaun banknya.

"Hasil semakan, mangsa mendapati wang di dalam akaunnya dipindahkan ke akaun seorang lelaki tidak dikenali," katanya.